



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH JANTINA, GAYA KOGNITIF DAN PERSONALITI WARNA TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR DIPLOMA

RASHIDIN BIN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik pelajar. Kaedah tinjauan berbentuk *Cross Sectional* digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 322 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian Diploma di enam fakulti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Instrumen *Group Embedded Figure Test* (GEFT) oleh Witkin et al., (1977) bersama Inventori Personaliti Warna oleh Sidek (2005) digunakan untuk mengumpul data kajian. Hasil kajian mendapatkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai gaya kognitif yang sama iaitu Bebas Medan, $\chi^2(1, N= 320) = 0.43$, $p = .511$. Namun, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina pelajar dalam personaliti warna Hijau ($t(320) = 1.89$, $p = .05$) dan Emas ($t(320) = -2.42$, $p = .01$). Dapatkan menunjukkan bahawa gaya kognitif pelajar tidak mempunyai perbezaan signifikan dengan pencapaian akademik ($t(320) = -.40$, $p = .685$). Walau bagaimanapun, pencapaian akademik pelajar mempunyai perbezaan signifikan berdasarkan faktor personaliti warna ($F(3,318) = 4.55$, $p < .01$). Siasatan lanjut menunjukkan pencapaian akademik pelajar lebih tinggi dalam kalangan pelajar yang memiliki personaliti warna Emas ($M = 3.54$, $SD = .26$) dan Biru ($M = 3.52$, $SD = .29$) berbanding pelajar dalam kategori personaliti warna Hijau ($M = 3.36$, $SD = .33$). Analisis regresi pelbagai mendapatkan pemboleh ubah bebas (jantina, gaya kognitif dan personaliti warna) hanya menjelaskan 11.8% daripada jumlah varians data ($R^2 = .11$, $F(5,316) = 8.44$, $p < .01$). Dapatkan menunjukkan hanya personaliti warna Hijau ($\beta = .27$, $p < .01$) dan jantina ($\beta = -.17$, $p < .01$) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Kesimpulannya, hanya jantina dan personaliti warna tertentu didapati mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Diploma di UPSI. Implikasinya, kajian ini diharap membawa pendedahan kepada penyelidik, kaunselor, ibubapa dan pelajar mengenai pengaruh personaliti warna dan jantina terhadap pencapaian akademik.





THE INFLUENCE OF GENDER, COGNITIVE STYLE AND COLOUR PERSONALITY ON ACADEMIC ACHIEVEMENT OF DIPLOMA STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to identify the influence of gender, cognitive style and colour personality on a student's academic achievements. The cross-sectional survey method was adopted in this study. The study samples were 322 diploma students from six faculties in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The instruments of Group Embedded Figure Test (GEFT) by Witkin et al., (1977) and Colour Personality Inventory by Sidek (2005) were used to collect data. The findings show that male and female students have similar cognitive style Field Independent, $\chi^2(1, N= 320) = 0.43$, $p = .511$. Whereas, different colour personalities were found significant between opposite gender, Green ($t(320) = 1.89$, $p = .05$) and Gold ($t(320) = -2.42$, $p = .01$) personality students. Findings also show that cognitive has no significant difference with academic achievement ($t(320) = -.40$, $p = .685$). However, their academic achievements were found significant with colour personality ($F (3, 318) = 4.55$, $p = .00$). Further investigation shows higher academic achievement among students with Gold ($M = 3.54$, $SD = .26$) and Blue ($M = 3.52$, $SD = .29$) colour personalities compared to Green ($M = 3.36$, $SD = .33$). Multiple regression analysis shows that gender, cognitive style and colour personality variables only explained 11.8% of the total variance ($R^2 = .11$, $F(5,316) = 8.44$, $p < .01$). Findings show that only Green colour personality ($\beta = .27$, $p < .01$) and gender ($\beta = -.17$, $p < .01$) significantly influenced students' academic achievements. In conclusion, gender and certain colour personality were the only factors found influencing academic achievements of diploma students. The implication of this study hoped to bring awareness among researchers, counsellors, parents and students on the influence of colour personality and gender on academic achievements.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
	1.2.1 Gaya Kognitif	3



1.2.2 Personaliti Warna	6
1.2.3 Pencapaian Akademik	8
1.3 Penyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Soalan Kajian	16
1.7 Hipotesis Kajian	17
1.8 Kerangka Kajian	17
1.9 Kepentingan Kajian	19
1.9.1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	20
1.9.2 Pelajar	20
1.9.3 Pensyarah dan Guru	21
1.9.4 I bubapa dan Penjaga	21
1.10 Batasan Kajian	22
1.11 Definisi Operasional	22
1.11.1 Gaya Kognitif	23
1.11.2 Bebas Medan	23
1.11.3 Bergantung Medan	24
1.11.4 Personaliti	24
1.11.5 Personaliti Warna	25
1.11.6 Pencapaian akademik	25
1.11.7 Pelajar Diploma	26



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Pencapaian Akademik	29
2.3	Gaya Kognitif	33
2.3.1	Kajian lepas Gaya kognitif GEFT	39
2.4	Kajian Lepas Gaya Kognitif dengan Pencapaian Akademik	43
2.5	Teori Personaliti	47
2.5.1	Perkembangan Teori Personaliti	47
2.6	Personaliti Warna	51
2.7	Kajian Lepas Personaliti Warna dengan Jantina	58
2.8	Kajian Lepas Personaliti Warna dengan Pencapaian Akademik	60
2.9	Rumusan	63



BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	65
3.2	Rekabentuk Kajian	66
3.3	Populasi dan Sampel	66
3.3.1	Populasi	67
3.3.2	Sampel	69
3.4	Instrumen Kajian	71





3.4.1	Instrumen Group Embedded Figure Test (GEFT)	71
3.4.2	Inventori Personaliti Warna	75
3.4.1.2	Pencapaian Akademik Pelajar	79
3.5	Kajian Rintis	79
3.6	Prosedur Pengumpulan Data kajian	81
3.6.1	Fasa Pertama	81
3.6.2	Fasa Kedua	82
3.7	Analisis Data Kajian	85
3.7.1	Analisis Gaya Kognitif berdasarkan jantina pelajar Diploma	87
3.7.2	Analisis Personaliti Warna berdasarkan jantina pelajar Diploma	87
3.7.3	Analisis perbezaan gaya kognitif dengan pencapaian Akademik	88
3.7.4	Analisis Personaliti Warna dengan pencapaian Akademik	88
3.7.5	Andaian Regresi	89
3.7.5.1.	<i>Independence of error</i>	89
3.7.5.2	<i>Linearity</i>	90
3.7.5.3	<i>Normality</i>	91
3.7.5.4	<i>Homoscedascity</i>	92
3.7.6	Analisis Regresi Pelbagai bagi Pengaruh Jantina, Gaya kognitif dan Personaliti warna terhadap Pencapaian akademik	93
3.8	Rumusan	95





BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis soal selidik	97
4.2.1	Maklumat demografi responden	97
4.2.2	Demografi	97
4.3	Maklumat Perbezaan Gaya Kognitif bagi Jantina Pelajar Diploma	99
4.3.1	Persoalan kajian 1	100
4.3.2	Gaya Kognitif Pelajar Diploma	100
4.4	Maklumat Perbezaan Personaliti Warna bagi Jantina Pelajar Diploma	101
4.4.1	Persoalan kajian 2	101
4.4.2	Personaliti Warna Pelajar Diploma	101
4.5	Maklumat Perbezaan Gaya Kognitif Berdasarkan Pencapaian Akademik	102
4.5.1	Persoalan kajian 3	103
4.5.2	Perbezaan gaya kognitif dan pencapaian akademik	103
4.6	Maklumat Perbezaan Personaliti Warna Berdasarkan Pencapaian Akademik	104
4.6.1	Persoalan kajian 4	104
4.6.2	Perbezaan personaliti warna dan pencapaian akademik	105
4.7	Analisis andaian Regresi	107
4.7.1	Andaian Regresi: <i>Independence of error</i>	107
4.7.2	Andaian Regresi: <i>Linearity</i>	108





4.7.3	Andaian Regresi: <i>Normality</i>	112
4.7.4	Andaian Regresi: <i>Homoscedascity</i>	114
4.8	Maklumat Pengaruh Jantina, Gaya Kognitif dan Personaliti Warna Terhadap Pencapaian Akademik	115
4.8.1	Persoalan kajian 5	115
4.8.2	Pengaruh jantina, gaya kognitif, personaliti warna terhadap pencapaian akademik.	115
4.9	Rumusan	117

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	119
5.2	Perbincangan	120
5.3	Perbincangan perbezaan Gaya Kognitif dan Jantina Pelajar Diploma di UPSI	121
5.4	Perbincangan Personaliti Warna dan Jantina Pelajar Diploma di UPSI	122
5.5	Perbincangan Perbezaan Gaya Kognitif dengan Pencapaian Akademik Pelajar Diploma di UPSI	124
5.6	Perbincangan Perbezaan Personaliti Warna dengan Pencapaian Akademik Pelajar Diploma di UPSI	126
5.7	Perbincangan Pengaruh Jantina, Gaya Kognitif dan Personaliti Warna Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Diploma di UPSI	127
5.8	Implikasi Kajian	131
5.9	Limitasi kajian	132
5.10	Cadangan kajian	133
5.11	Penutup	134





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

RUJUKAN

136



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis Gaya Kognitif	36
2.2 Perbezaan Gaya Kognitif	37
2.3 Teori Personaliti	53
2.4 Teori Warna Max Luscher	54
2.5 Faktor Warna Berdasarkan Inventori Personaliti Warna	56
2.6 Ringkasan Ciri Personaliti Warna	57
3.1 Jumlah Sampel berdasarkan Fakulti Diploma	69
3.2 Jumlah Keseluruhan Populasi dan Sampel Kajian	70
3.3 Pembahagian Item Instrumen GEFT	73
3.4 Skor Ujian GEFT	74
3.5 Jadual Instrumen IPW	77
3.6 Faktor Inventori Personaliti Warna	77
3.7 Kajian Rintis	80
3.8 Analisis Kajian Rintis	80
3.9 Pengujian Statistik	86
3.10 Rule of Thumb	91





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

3.11	Saiz Kesan	94
4.1	Demografi Responden	98
4.2	Ujian Chi Square	100
4.3	Ujian T	102
4.4	Analisis ujian T	103
4.5	Analisis ANOVA Personaliti Warna dan CGPA	105
4.6	Tukey Post Hoc	106
4.7	Linearity Poin Biserial	111
4.8	Coefficient	116



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Kajian	19
2.1 Gaya kognitif Riding dan Rayner (1998)	35
3.1 Jumlah Populasi Pelajar Diploma UPSI	68
3.2 Reka Bentuk soalan GEFT	75
3.3 Prosedur Pengumpulan Data Kajian	84
4.1 <i>Independence of error</i>	107
4.2 <i>Linearity</i>	108
4.3 Linearity Jantina dan CGPA	109
4.4 Linearity Personaliti Warna dan CGPA	109
4.5 <i>Normality</i>	112
4.6 Plot P	113
4.7 <i>Homoscedascity</i>	113





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvii

SENARAI SINGKATAN

IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
GEFT	<i>Group Embedded Figure Test</i>
IPW	Inventori Personaliti Warna
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>
CGPA	<i>Cummulative Grade Percentage Average</i>
SSS	<i>Student Support System</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A Surat Kebenaran Mengutip Data dari Fakulti

LAMPIRAN B Borang Demografi

LAMPIRAN C *Group Embedded Figure Test (GEFT)*

05-4506832



LAMPIRAN D Inventori Personaliti Warna (IPW)



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xviii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang proses pengenalan kepada topik kajian yang dilaksanakan dengan lebih terperinci. Topik ini meliputi proses latar belakang kajian dan penyataan masalah yang membincangkan kepada kewujudan perbezaan dapatan kajian yang menjadi faktor utama kajian ini ingin dilaksanakan. Selain itu, dalam bab ini juga mengupas dengan lebih lanjut mengenai tujuan, objektif, persoalan kajian, hipotesis dan kepentingan kajian ini dilaksanakan. Malah, beberapa limitasi turut disenaraikan semasa kajian ini dilakukan. Akhir sekali, definisi operasional kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



yang diguna pakai dalam kajian juga dijelaskan dengan lebih lanjut lagi untuk tujuan pemahaman konsep yang digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, gaya kognitif sudah mula diterokai dan dilakukan kajian untuk mengenal pasti peranannya dalam membantu meningkatkan tahap pembelajaran dan pencapaian akademik. Lourdasamy (1998) menyatakan bahawa keperluan kepada penerapan gaya kognitif (kognisi) terhadap tujuan pembelajaran sangat perlu kerana ia mampu memberikan satu nilai tambah untuk kita memahami dengan lebih dekat kemampuan kognitif kita yang berbeza-beza dengan orang lain. Bahkan, Witkin dan Goodenough (1981) menyatakan bahawa pelajar yang memiliki gaya kognitif Bebas Medan adalah cenderung kepada subjek seperti Matematik, Sains dan Perakaunan. Manakala, gaya kognitif Bergantung Medan pula cenderung kepada Sejarah, Bahasa dan Kesusastraan.

Manakala, bagi personaliti warna pula sudah banyak kajian yang dilakukan sama ada di dalam dan luar negara. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian akademik berdasarkan kecenderungan personaliti warna yang diwakili oleh responden kajian. Kajian terbaru oleh Husna dan Rohaidah (2016) mendapati bahawa responden yang memiliki personaliti warna Hijau cenderung memiliki





pencapaian akademik yang lebih baik berbanding personaliti warna lain. Kajian mengenai personaliti warna ini penting untuk mengetahui tret personaliti yang dimiliki oleh setiap responden yang mempunyai latar belakang dan tahap pencapaian akademik yang berbeza.

Pelbagai usaha dan kajian telah pun dijalankan untuk mengenal pasti gaya kognitif dan personaliti warna yang mana lebih cenderung memiliki tahap pencapaian akademik cemerlang. Namun, kajian ini membuka dimensi baharu apabila menggabungkan kedua-dua teori tersebut sebagai pemboleh ubah bebas untuk mengenal pasti pengaruhnya terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Diploma di Universiti khususnya.



1.2.1 Gaya Kognitif

Gaya kognitif sebenarnya merupakan satu pendekatan dan kemampuan seseorang individu yang dimiliki oleh seseorang sejak lahir lagi. Menurut Witkin, Moore, Goodenough dan Cox (1977), kemampuan gaya berfikir seseorang itu sudah sedia ada dalam diri mereka. Sejarah awal bagi pengenalan kepada konsep dan teori gaya kognitif ini sebenarnya bermula di Eropah terlebih dahulu. Malah, dengan arus permodenan masa kini, pelbagai teori dan gaya kognitif telah banyak dikembangkan





dan diperkenalkan bagi membantu dan mengekplorasi tahap gaya kognitif seseorang individu (Hasnah, 2012).

Melalui pendekatan teori gaya kognitif yang berjaya diperkenalkan, ia secara tidak langsung dapat membantu seseorang mengetahui kaedah dan keupayaan di dalam meningkatkan tahap pencapaian akademik. Malah, terdapat banyak kajian yang dilakukan sama ada di dalam atau luar negara yang mengkaji hubungan di antara gaya kognitif dengan pencapaian akademik. Malah, terdapat banyak kajian yang telah mendapati bahawa gaya kognitif mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar (Ali & Hasan, 2015).



Kajian mengenai gaya kognitif juga sudah pernah dilakukan dalam negara kita

dengan menggunakan responden di peringkat sekolah rendah (Ramlah, 2014), sekolah menengah (Hasnah, 2012), pelajar tingkatan 6 atas (Poh & Melissa, 2008), pelajar Politeknik (Jailani, Wan Mohd. Rashid dan Ahmad Rizal, 2007). Gaya kognitif ini ada kaitan dengan corak gaya pembelajaran dan kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar (Butler & Scurlock-Evans, 2013). Kajian lepas yang dilakukan di luar negara juga jelas menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kognitif dengan pencapaian akademik pelajar khususnya untuk pelajar sarjana muda Universiti (Mohammad & Seyyedeh, 2014).

Manakala, hasil kajian Lourdosamy (1994) yang dilakukan di Malaysia juga

mendapati bahawa perbezaan individu di dalam mencari dan menganalisis maklumat





adalah disebabkan kemahiran gaya kognitif yang berbeza-beza disebabkan bagaimana seseorang itu memberikan respons dan faktor persekitaran yang mempengaruhi. Bahkan, menurut beliau adalah sangat perlu bagi kita mengekplorasi gaya kognitif bagi tujuan pembelajaran di peringkat sekolah mahupun Universiti.

Begitu juga dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Jailani et al., (2007) yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan gaya kognitif dengan pencapaian akademik yang dijalankan dalam negara kita. Malah, kajian yang dilakukan di luar negara banyak menggunakan teori gaya kognitif sebagai pemboleh ubah yang ingin melihat perbezaan kognisi responden yang berbeza jantina (Seyyedeh & Mohammad, 2014; Masoud & Mehrnoush, 2015), dan gaya kognisi yang mana paling dominan sama ada Bebas Medan atau Bergantung Medan dalam kalangan responden kajian (Papsova, Valihorová & Nábělkova, 2012; Omer, 2014; Masoud & Shahrbanoo, 2013).

Kesimpulannya, kajian mengenai gaya kognitif sangat relevan untuk dilaksanakan untuk tujuan menambah maklumat baharu yang sedia ada khususnya bagi dapatan kajian di dalam negara kita. Dengan adanya kajian ini secara tidak langsung dapat menambah pengetahuan yang lebih terperinci mengenai gaya kognitif di dalam bidang pendidikan.





1.2.2 Personaliti warna

Berbeza pula dengan personaliti ia sebenarnya berasal daripada perkataan Latin yang dikenali sebagai Persona dan membawa maksud topeng atau pelindung muka yang dipakai oleh pelakon di atas pentas. Personaliti merupakan satu perkataan yang mempunyai banyak maksud berbeza berdasarkan pandangan para psikologis moden (Furnham & Chamorro-Premuzic, 2004; Butler & Scurlock-Evans, 2013). Manakala, menurut Sidek (2005) ujian personaliti merupakan alat untuk menentukan sejauh mana seseorang itu mempunyai tret atau ciri-ciri dengan mengukur berdasarkan kecenderungan personaliti mereka. Brown dan Brooks (1991) pula menyatakan bahawa tret personaliti ini lazimnya boleh dikenal pasti melalui kecenderungan individu terhadap hobi, kerja dan rekreasi.



Pada masa kini, terdapat banyak teori personaliti yang telah diperkenalkan dan digunakan untuk mengenal pasti dan mengkaji tret personaliti seseorang individu dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar (Husna & Rohaidah, 2016). Sidek (2005) menjelaskan antara teori personaliti yang sedia ada adalah seperti teori Big 5 oleh Costa dan Mcrae (1963), Tennessee Self-Concept Scale (TSCS) oleh Fitts (1965), Diagnostic Colour oleh Luscher (1981), Myers-Briggs Typer Indicator (MBTI) oleh Briggs dan Myers (1998) dan lain-lain lagi.

Butler dan Scurlock-Evans (2013) pula berpendapat bahawa dengan mempelajari personaliti dapat membantu kita untuk memahami sifat manusia,





motivasi, dan perubahan karakter berdasarkan pengalaman hidup seseorang. Personaliti merupakan satu set unit psikologi dan mekanisme yang ada pada individu yang membentuk secara relatif pengaruh dan interaksi dalam kehidupan sosial manusia (Larsen & Buss, 2010). Majoriti psikologis berpendapat maksud sebenar bagi personaliti adalah merujuk kepada kualiti psikologikal yang menyumbang kepada individu dari aspek emosi, kognitif dan tingkah laku.

Malah, terdapat kajian yang dilakukan di dalam dan luar negara yang mengkaji mengenai personaliti dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Kajian yang dilakukan oleh Husna dan Rohaidah (2016) misalnya telah mendapati bahawa personaliti yang cenderung berwarna Hijau adalah lebih baik pencapaian akademik

berbanding responden yang memilih warna lain. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Bazlan, Ahmad Jazimin, Syed Sofian, Mohammad Nasir dan Mohammad Aziz (2015) yang mendapati perubahan personaliti pelajar yang berubah-ubah berdasarkan tempoh tahun pengajian mereka di Universiti yang secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Kajian yang dilakukan di luar negara pula yang dilakukan oleh Ihab dan Reham (2015) mendapati faktor personaliti warna seperti Biru memiliki pencapaian akademik yang lebih baik berbanding responden faktor warna lain.

Bagi kajian yang melibatkan pencapaian akademik dengan personaliti sudah banyak yang dilakukan baik di luar negara dan dalam negara. Kajian personaliti warna dalam negara dilakukan oleh Husna dan Rohaidah (2016), Zulewati dan Yusni





(2015), dan Rohaidah (2012). Manakala, di luar negara pula dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seperti Ihab dan Reham (2015), Dirocco (2012), Banai dan Perin (2016), Rim dan Yoon (2015) dan Prieto (2006) melakukan kajian terhadap personaliti secara umum.

Kesimpulannya, kajian mengenai personaliti warna perlu dipergiatkan untuk memberikan sumbangan terhadap penyelidikan dan mengenal pasti pengaruhnya terhadap tahap pencapaian akademik seseorang pelajar.



Manakala bagi pencapaian akademik pula, Furnham dan Chamorro-Premuzic (2004) memberi takrifan dengan melihat kepada konsep pencapaian itu sendiri seperti di peringkat tadika, sekolah dan Universiti. Bacon (2011) menjelaskan bahawa pencapaian akademik adalah pencapaian skor yang diperolehi oleh seseorang pelajar di dalam peperiksaan dan penilaian tersebut berdasarkan semester yang dikenali sebagai *Cummulative Performance Average* (CPA) atau *Cummulative Grade Performance Average* (CGPA) di kolej dan Universiti. Bagi Elias dan MacDonald (2007) berpendapat bahawa tahap pencapaian akademik seseorang itu juga dipengaruhi oleh tahap gaya pembelajaran dan efikasi kendiri yang dikenal pasti





sebagai antara faktor yang memberi kesan terhadap pencapaian akademik seseorang pelajar itu.

Malah, kajian yang dijalankan oleh Salmiza (2012) berpendapat bahawa kegagalan pelajar mendapat pencapaian akademik yang cemerlang banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor penting seperti minat terhadap subjek atau matapelajaran, kaedah pelajaran dan faktor-faktor yang lain. Beliau juga berpendapat bahawa pencapaian akademik juga merupakan satu penanda aras kepada kefahaman seseorang terhadap subjek tersebut berdasarkan kepada tahap pencapaian akademik yang diperoleh.



Bacon (2011) pula menyatakan bahawa tahap pencapaian akademik seseorang juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti keturunan seperti mana kajian beliau terhadap pencapaian akademik pelajar Afrika-Amerika di Iowa, Amerika Syarikat. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik pelajar Afrika-Amerika ini tidak sama seperti tahap pencapaian yang di perolehi oleh pelajar kulit putih Amerika. Hal ini juga di dorong oleh faktor lain seperti kedudukan sosial kelas masyarakat dan faktor persekitaran itu sendiri. Manakala, kajian Sahinidis, Frangos dan Fragkos (2013) mendapati hasil kajian yang menunjukkan bahawa pelajar yang memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang adalah individu yang cenderung memiliki personaliti yang bersifat Extraversion and Conscientiousness.





Malah, terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti pemboleh ubah kepada tahap pencapaian akademik seseorang pelajar baik di sekolah ataupun di peringkat Universiti. Kajian yang dijalankan oleh Cummings (2014) yang mengkaji kesan dan impak *Student Support Services* (SSS) terhadap pencapaian akademik bagi pelajar sekolah rendah di Amerika Syarikat. Hasil kajian menunjukkan bahawa ia mempunyai perbezaan signifikan terhadap pencapaian akademik jika pelajar tersebut mempunyai sokongan SSS berbanding yang tidak mempunyai sokongan SSS. Namun, dapatan hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan jika ianya dilakukan terhadap responden yang berada di Universiti. Hal ini kerana perbezaan latar belakang responden yang mana pelajar di Universiti lebih banyak melakukan tugas secara bersendirian berbanding di peringkat sekolah rendah yang banyak memerlukan sokongan dan bimbingan.



Kajian yang melibatkan jantina dengan pencapaian akademik juga telah dilakukan oleh para pengkaji-pengkaji sebelumnya. Hasil dapatan Balkis dan Duru (2017) yang dilakukan di sebuah Universiti di Turki mendapati bahawa responden pelajar perempuan di Universiti mempunyai tahap pencapaian akademik yang cemerlang berbanding pelajar lelaki. Kajian yang dilakukan oleh A. Naqvi dan F. Naqvi (2017) pula mendapati bahawa responden lelaki cenderung memiliki pencapaian akademik yang cemerlang dalam subjek Kewangan dan Pemasaran. Manakala, responden perempuan pula cenderung kepada subjek atau kursus Sumber manusia dan Program Teknologi Maklumat.





Konklusinya, kajian ini dijalankan untuk mengumpul maklumat untuk melihat pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna bagi pelajar Diploma di Universiti dengan pencapaian akademik. Kajian yang melibatkan pemboleh ubah gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik agak terhad dilakukan kajian terutamanya di dalam negara kita. Malah bagi Norhani, Noor Zainab, Hamidah dan Aminah (2005) berpendapat bahawa pelajar yang gagal memahami kaedah gaya kognitif dengan pembelajaran yang sesuai di peringkat Universiti pasti akan mengalami kegagalan di dalam pencapaian akademik. Hal ini sama seperti yang ditekankan oleh Lourdasamy (1998) bahawa dengan mengenal pasti gaya kognitif ia sebenarnya membantu kita memahami gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap personaliti dan pemikiran kita yang berbeza-beza.



1.3 Pernyataan Masalah

Gaya kognitif merupakan kemampuan psikologi dalam minda yang memproses maklumat, memahami dan proses mengetahui (Riegler & Riegler, 2012). Gaya kognitif juga sering kali dikaitkan dengan gaya pembelajaran seseorang berdasarkan kemampuan kognitif yang wujud sejak kecil lagi (Witkin, Moore, Cox & Goodenough, 1977). Menurut Rosniah (2007) antara punca kegagalan para pendidik dan guru adalah tidak dapat mengetahui keupayaan gaya pembelajaran yang dimiliki oleh setiap pelajar yang berbeza-beza walaupun diberikan input yang sama. Zamri (2012) menjelaskan bahawa apabila pendidik tidak dapat mengenal pasti kepelbagaiannya





gaya pembelajaran pelajar-pelajarnya, maka pendidik tidak akan dapat merancang gaya dan aktiviti pengajarannya agar sesuai dengan keupayaan kognitif pelajar. Manakala menurut Ahmad, Mukhiffun dan Amir (2010) pelajar di pusat pengajian tinggi sepatutnya memperoleh keputusan pencapaian akademik yang sangat baik kerana faktor kemudahan lengkap dan budaya pembelajaran yang lebih komprehensif dan terbuka.

Beberapa hasil kajian lepas jelas menunjukkan bahawa terdapat percanggahan maklumat mengenai dapatan hasil kajian bagi gaya kognitif dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Ali dan Hassan (2015) mendapati bahawa responden yang memiliki gaya kognitif Bebas Medan

adalah lebih berjaya dan baik dalam pencapaian akademik mereka dalam sarjana muda berbanding responden yang cenderung kepada Bergantung Medan. Ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Azar, Vahideh dan Zari (2014) yang menunjukkan bahawa prestasi mata pelajaran bagi responden gaya kognitif Bebas Medan tiada perbezaan dengan Bergantung Medan. Malah, bagi ujian teknik membaca arahan, pencapaian responden Bergantung Medan adalah lebih baik berbanding responden Bebas Medan. Manakala kajian Seyyedeh dan Mohammad

(2014) pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kognitif Bebas Medan dan Bergantung Medan terhadap jantina dalam dapatan kajian yang dilakukan.





Manakala, bagi hasil kajian lepas juga menunjukkan bahawa terdapat percanggahan dapatan kajian mengenai kesan dan pengaruh gaya kognitif terhadap pencapaian akademik pelajar. Ramlah (2016) di dalam kajiannya mendapati bahawa pencapaian akademik responden dipengaruhi oleh gaya kognitif mereka. Hal ini disokong dengan analisis data regresi yang menunjukkan bahawa terdapat pengaruh bagi gaya kognitif dengan pencapaian akademik pelajar dalam kajiannya. Namun, hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Zahra (2014) yang mana hasil kajiannya mendapati tidak terdapat kesan dan pengaruh oleh gaya kognitif responden kajian terhadap pencapaian akademik mereka.

Dalam pada itu, kajian yang dilakukan oleh Balkis dan Duru (2017) mendapati



faktor jantina juga turut memberikan pengaruh atau kesan terhadap tahap pencapaian akademik seseorang pelajar di Universiti. Hal ini dapat dibuktikan apabila dapatan kajian mereka mendapati kesan signifikan faktor jantina terhadap pencapaian akademik berlaku. Kajian ini pula berbeza dengan hasil dapatan yang dilakukan oleh Muhammad Zulfabli, Mohd. Tareq dan Mohd. Aminul (2014) mendapati bahawa tidak ada pengaruh dan hubungan signifikan bagi faktor jantina terhadap pencapaian akademik responden kajian.

Selain itu, hasil kajian yang melibatkan di antara personaliti warna dan pencapaian akademik juga turut mendapati hasil maklumat yang berbeza. Hasil kajian yang dilakukan oleh Husna dan Rohaidah (2016) mendapati bahawa personaliti responden yang berwarna Hijau cenderung mendapat pencapaian akademik yang baik.





Kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar asing yang bakal menduduki peperiksaan mengenai Bahasa kedua mereka di Universiti Teknologi Mara (UITM) di Shah Alam. Hal ini berbeza pula dengan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Rim dan Yoon (2015) yang mana telah mendapati bahawa responden kajian yang berwarna Kuning cenderung mendapat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding warna lain. Kajian yang dilakukan oleh Rim dan Yoon (2015) dilakukan terhadap pencapaian pelajar berdasarkan kecenderungan warna yang mewakili responden. Kajian ini dilakukan di Korea Selatan dan melibatkan responden dalam kalangan pelajar di sekolah sahaja. Maka, berdasarkan perbezaan dapatan kajian ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti perbezaan demografi, instrumen kajian dan penggunaan sampel yang berbeza tahap latar belakang pendidikan mereka.



Maka, berdasarkan beberapa pernyataan masalah yang diuraikan, penyelidik mengambil tanggungjawab dan inisiatif untuk mengumpul maklumat baharu mengenai pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna serta kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar Diploma terutamanya di peringkat Universiti. Semoga dengan adanya kajian ini dapat menambah maklumat baharu mengenai teori gaya kognitif dan personaliti warna serta menjadi bahan tambahan rujukan buat pengkaji lain pada masa akan datang.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik pelajar Diploma. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengetahui sama ada faktor jantina juga mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar Diploma terutamanya di Universiti.

1.5 Objektif Kajian



Secara umumnya, kajian ini bertujuan melihat kecenderungan pengaruh gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik pelajar diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), daerah Tanjung Malim. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengkaji perbezaan gaya kognitif berdasarkan jantina pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- ii. Mengkaji perbezaan personaliti warna berdasarkan jantina pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- iii. Mengenal pasti perbezaan gaya kognitif berdasarkan pencapaian akademik pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris.





- iv. Mengenal pasti tahap perbezaan personaliti warna berdasarkan tahap pencapaian akademik yang diwakili oleh pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- v. Mengenal pasti pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna pelajar Diploma terhadap pencapaian akademik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

1.6 Soalan Kajian



- i. Adakah terdapat perbezaan jantina bagi Gaya kognitif pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- ii. Adakah terdapat perbezaan jantina bagi personaliti warna pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik berdasarkan Gaya kognitif pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pencapaian akademik berdasarkan personaliti pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- v. Apakah pengaruh jantina, Gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik?





1.7 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian, penyelidik telah membina hipotesis seperti di bawah;

H_1 = Tidak terdapat perbezaan jantina bagi gaya kognitif pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?

H_2 = Tidak terdapat perbezaan jantina bagi personaliti warna pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?

H_3 = Tidak terdapat perbezaan gaya kognitif berdasarkan pencapaian akademik bagi pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?

H_4 = Tidak terdapat perbezaan personaliti warna berdasarkan pencapaian akademik bagi pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?

H_5 = Apakah pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris?

1.8 Kerangka Kajian

Kerangka konseptual dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.1. Rajah tersebut menunjukkan pencapaian akademik yang dapat diterangkan oleh penggunaan teori Gaya kognitif iaitu *Group Embedded Figure Test* (GEFT) oleh Witkin et al., (1977)






dan teori Inventori Personaliti Warna (IPW) oleh Sidek (2005) sebagai pemboleh ubah bebas (IV) dalam model kajian ini. Pemboleh ubah bersandar (DV) yang digunakan dalam kajian ini adalah pencapaian akademik responden dalam bentuk *Cummulative Grade Percentage Average* (CGPA). Nilai CGPA ini pula adalah berdasarkan nilai CGPA semester yang diperolehi oleh responden kajian dan dalam bentuk *Raw Value*.

Kerangka konseptual yang diilustrasi merujuk kepada pengaruh pemboleh ubah bebas (IV) yang meliputi jantina, gaya kognitif, dan personaliti warna terhadap pemboleh ubah bersandar (DV) iaitu pencapaian akademik (CGPA) bagi pelajar Diploma di UPSI. Maka, Rajah 1.1 menunjukkan dengan lebih terperinci mengenai kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian. Diadaptasi dari gabungan Model GEFT (Witkin et al., 1977) dan IPW (Sidek, 2005)



1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini sebenarnya memberikan manfaat kepada masyarakat dalam dunia pendidikan global pada hari ini baik kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Pensyarah atau guru-guru di peringkat sekolah ibu bapa dan masyarakat pelajar. Berikut adalah sumbangan dan kepentingan kajian ini dijalankan.





1.9.1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Hasil daripada kajian ini sebenarnya dapat memberikan manfaat kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) terutamanya di dalam mengenal pasti corak dan gaya kognitif bagi masyarakat pelajar. Tentunya, dengan hasil dapatan kajian ini membantu pihak KPT di dalam membuat dasar dan pendekatan yang mampu memberi nilai tambah kepada pelajar di dalam meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka. Contohnya, memperkenalkan subjek yang dapat memberi pendedahan tentang personaliti dan gaya kognitif.



1.9.2 Pelajar

Kajian ini sebenarnya memfokuskan kepada hasil gaya kognitif dan personaliti warna yang relevan kepada pelajar yang berada di peringkat Universiti atau pra universiti. Maka, hasil kajian ini bermanfaat buat golongan pelajar untuk mengetahui pengaruh jatina, gaya kognitif dan personaliti terhadap pencapaian akademik mereka.





1.9.3 Pensyarah atau Guru

Hasil kajian ini sebenarnya turut memberikan manfaat kepada para guru dan para pendidik di dalam skop sistem pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru ataupun pensyarah dapat mengenal pasti gaya dan corak kognitif pelajar di dalam kelas dan ini dapat membantu mereka meningkatkan tahap atau pendekatan kaedah mengajar di dalam kelas. Guru dan pensyarah juga dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan sesuatu tugas yang diberikan kepada pelajar dengan berpandukan gaya kognitif dan tret personaliti pelajar di dalam kelas.



1.9.4 Ibu bapa dan Penjaga

Berdasarkan objektif kajian ini yang meliputi aspek jantina, gaya kognitif dan personaliti warna, maka secara tidak langsung memberikan maklumat baharu untuk membantu golongan ibu bapa dan penjaga dalam mengenal pasti faktor yang menyumbangkan pencapaian akademik. Ini juga secara tidak langsung membantu golongan ini menyediakan keperluan berdasarkan kecenderungan faktor-faktor pemboleh ubah bebas yang mampu memberikan pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan tahap pencapaian akademik anak-anak dibawah jagaan mereka.





1.10 Batasan Kajian

Setiap kajian penyelidikan pendidikan wujud batasan kajian seperti mana dalam kajian ini juga. Batasan kajian yang paling utama dalam kajian ini adalah berkaitan dengan sampel. Ini kerana sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini hanya melibatkan pelajar diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sahaja tanpa melibatkan responden Diploma daripada Universiti lain. Oleh itu, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar Diploma yang terdapat di Malaysia.



Dalam kajian ini banyak menggunakan istilah-istilah yang akan digunakan. Istilah-istilah ini sebenarnya membawa maksud yang mewakili sesuatu yang digunakan dalam kajian ini. Maka, adalah tanggungjawab bagi seseorang penyelidik menjelaskan istilah-istilah tersebut berdasarkan maksud yang membawa kepada pemahaman terhadap penggunaan istilah tersebut seperti berikut.





1.11.1 Gaya Kognitif

Witkin dan Goodenough (1981) menyatakan bahawa gaya kognitif merujuk kepada cara seseorang individu memproses, memperoleh dan menilai maklumat yang sampai dan diterima. Gaya kognitif ini merupakan suatu kaedah berfikir seseorang apabila menerima dan menganalisa data yang diperolehi hasil daripada pengajaran atau pembelajaran. Gaya kognitif dalam teori Witkin et al., (1971) terbahagi kepada dua kategori iaitu Bebas Medan dan juga Bergantung Medan.



Istilah bagi perkataan gaya kognitif Bebas Medan ini merujuk kepada seseorang individu yang mudah untuk mencari dan mengakses maklumat dengan cepat dan pantas. Malah, menurut Hasnah (2012) individu Bebas Medan ini mempunyai kecenderungan di dalam melakukan kerja yang lebih pantas dan cepat berbanding Bergantung Medan.





1.11.3 Bergantung Medan

Istilah bagi perkataan gaya kognitif Bergantung Medan ini merujuk kepada seseorang individu yang bergantung dalam melakukan dan mencari maklumat. Mengikut Hasnah (2012) individu yang cenderung kepada Bergantung Medan ini akan lebih banyak bergantung kepada orang lain di dalam mencari dan mengumpul maklumat yang diperlukan dalam pembelajaran.

1.11.4 Personaliti



Menurut Husna dan Rohaidah (2016), personaliti adalah merujuk kepada perkataan Latin yang membawa maksud *Persona* iaitu seseorang yang membawa watak-watak tertentu atau topeng yang dipakai seseorang di dalam drama dan pentas lakonan. Menurut Butler dan Scurlock-Evans (2013) menyatakan bahawa personaliti adalah ciri-ciri dinamik yang terdapat dalam kelakuan, emosi dan pemikiran seseorang.





1.11.5 Personaliti Warna

Berdasarkan Sidek (2005) personaliti warna merujuk kepada empat faktor warna yang merangkumi tret personaliti seseorang berasaskan warna seperti Emas, Biru, Hijau dan Jingga. Setiap faktor warna ini mempunyai tafsiran tentang ciri-ciri personaliti seseorang berdasarkan kecenderungan warna yang mereka pilih dalam Instrumen Personaliti Sidek (IPW). Pengkaji memilih untuk menggunakan IPW dalam mengenal pasti personaliti responden kajian.



Pencapaian akademik merujuk kepada skor ujian, gred dan keseluruhan pencapaian akademik yang dicapai oleh seseorang pelajar. Pengkaji menggunakan pandangan Busato, Prins, Elshout dan Hamaker (2000) yang berpendapat bahawa pencapaian akademik adalah merujuk kepada skor yang diperolehi pada setiap semester oleh pelajar. Disini pengkaji menggunakan skor Cummulative Grade Performance Academic (CGPA) yang diperolehi oleh responden Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi keseluruhan semester. Pelajar semester satu dikecualikan dalam kajian yang dijalankan dan responden kajian meletakkan nilai CGPA semasa untuk tujuan analisis sebagai pencapaian akademik.





1.11.7 Pelajar Diploma

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menakrifkan bahawa pendidikan diploma bermaksud sijil atau ijazah yang mana pelajar perlu melepassi pencapaian akreditasi yang ditetapkan oleh Malaysia Qualifications Agency (MQA) untuk masuk ke Universiti ataupun kolej. Pengkaji dalam kajian ini menggunakan pelajar diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terdiri daripada 2,096 orang populasi dan daripada 11 program Diploma keseluruhannya. Sampel dalam kajian ini mensasarkan sebanyak 322 orang sampel responden tersebut yang datang daripada enam fakulti seperti Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Fakulti Seni, Komputer, Inovasi Kreatif (FSKIK), Fakulti Seni, Muzik Persembahan (FSMP), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dan yang terakhir Fakulti Perniagaan dan Ekonomi (FPE).



1. 12 Rumusan

Kesimpulannya, hasil daripada perbincangan di dalam topik ini menunjukkan bahawa kajian ini menjurus kepada kajian untuk mengenal pasti pengaruh jantina, gaya kognitif dan personaliti warna terhadap pencapaian akademik pelajar Diploma di Universiti. Malah, berdasarkan pernyataan masalah yang dijelaskan dalam topik ini





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
27

menunjukkan terdapat perbezaan dapatan kajian yang tidak konsisten. Justeru, kajian ini membuka dimensi baharu untuk menambah baik hasil kajian yang sedia ada.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi